



KENYATAAN MEDIA

GEG TERLAMPAU DRASTIK DAN BAKAL MEMBERI KESAN KEPADA INDUSTRI

KUALA LUMPUR, 11 MEI 2023 – **Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)** memohon kerajaan untuk mempertimbangkan semula Generasi Penamat (GEG) dan tidak membebankan industri vape kerana polisi yang menghukum ini mampu memusnahkan keseluruhan komuniti ini.

Presiden MVIA, Rizani Zakaria berkata, sebarang polisi ini bersifat '*berat sebelah*' akan membantutkan industri vape tempatan.

"Industri tempatan baharu sahaja mula dikawal selia melalui percukaian. Dan sekarang cadangan GEG pula dibentangkan. Ini seumpama menghukum industri vape tempatan."

"Ia adalah polisi yang sangat berat sebelah dan tidak adil untuk dikenakan ke atas industri vape yang baru mula dikawal selia. Dengan dasar sebegini, sudah tentu ia akan menghalang sebarang kemajuan yang telah pun dicapai atau sedang dicapai.

"Kita harus melihat pada sudut yang lebih menyeluruh kerana impak negatif ini akan memberi kesan kepada keseluruhan ekosistem industri termasuk pengusaha vape yang rata-rata terdiri daripada usahawan industri kecil sederhana (IKS). Malah ia juga akan menghalang pelaburan asing dan domestik dibuat kerana Kerajaan membuat langkah drastik," katanya lagi.

Rizani juga berkata cadangan ini menerima pelbagai tentangan selain daripada pemain industri. Terdahulu, lebih 1 juta rakyat Malaysia telah menandatangani petisyen yang dianjurkan Malaysia Bersuara bagi menolak pelaksanaan undang-undang Generation Endgame (GEG) untuk melarang individu yang lahir selepas 2007 daripada menggunakan produk tembakau dan vape untuk selama-lamanya walaupun mereka mencapai dewasa pada masa depan.

Petisyen ini menunjukkan rakyat Malaysia tidak bersetuju dengan tindakan larangan terus atau larangan penuh semata-mata mahu melihat jumlah perokok menurun tanpa melihat kepada permasalahan lain yang mungkin timbul selepas itu.

"Kerajaan harus ambil kira pandangan daripada orang ramai dan bukannya hanya daripada NGO anti-vape sahaja. Jika keputusan drastik diambil dengan menghapuskan satu industri, maka akan wujud perkara seperti penyeludupan, produk yang tidak terkawal dan kehilangan pekerjaan serta industri tempatan yang telah membuat pelaburan dalam industri.



“Oleh itu, kami berharap kerajaan boleh pertimbangkan semula perkara ini. Cadangan GEG ini terlampau drastik dan tidak patut diperkenalkan,” katanya.

Tamat.